

Akaun Simpanan Tetap MYR**Nama Produk: Akaun Simpanan Tetap MYR****Apakah Akaun Simpanan Tetap MYR OCBC?**

Akaun yang membolehkan pelanggan deposit lebih dana untuk menikmati pulangan faedah yang lebih tinggi berbanding dengan akaun simpanan biasa untuk jangka masa yang ditetapkan terlebih dahulu.

Kelayakan

Umur	Individu yang berumur 18 tahun dan ke atas (untuk akaun perseorangan atau bersama).						
Akaun Amanah	<ul style="list-style-type: none"> Untuk individu di bawah umur 18 tahun ("Minor"), akaun amanah boleh dibuka atas nama Ibu bapa/Penjaga. Akaun hanya boleh dibuka dengan tidak lebih daripada 1 penerima (Minor) bagaimanapun ia mungkin boleh melebihi 1 pemegang amanah (Ibu bapa/Penjaga). 						
Warganegara	Untuk Warga Malaysia, Pemastautin Tetap dan Bukan Pemastautin (tertakluk kepada negara asal).						
Dokumen yang Diperlukan	<p>Individu yang berumur 18 tahun dan ke atas:</p> <ul style="list-style-type: none"> Kad Pengenalan atau Pasport. <p>Individu di bawah umur 18 tahun (akaun amanah):</p> <ul style="list-style-type: none"> Sijil Lahir atau Kad Pengenalan individu terbabit, Kad Pengenalan Ibu bapa/Penjaga, Sijil Pengesahan Penjaga (<i>jika berkenaan</i>). 						
Simpanan Permulaan Minimum	RM5,000 untuk peletakan 1 bulan. RM 1,000 untuk peletakan 2 – 60 bulan.						
Baki Minimum untuk Mengekalkan Akaun	Pelanggan mestilah mengekalkan jumlah peletakan Simpanan Tetap untuk terus menikmati kadar faedah. Penarikan peletakan Simpanan Tetap sebelum tempoh matang akan dikenakan penalti.						
Kadar Faedah							
Pengiraan Faedah	<p>Faedah dikira secara harian dan dibayar pada jadual berikutnya bagi tempoh masing-masing.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Tempoh Simpanan Tetap</th> <th>Faedah simpanan tetap dikreditkan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Simpanan Tetap 1-bulan hingga 12-bulan</td> <td>Semasa Tempoh Simpanan Tetap matang</td> </tr> <tr> <td>Simpanan Tetap lebih dari 12-bulan</td> <td>Setiap 6-bulan dari tarikh Simpanan Tetap berkuat kuasa</td> </tr> </tbody> </table>	Tempoh Simpanan Tetap	Faedah simpanan tetap dikreditkan	Simpanan Tetap 1-bulan hingga 12-bulan	Semasa Tempoh Simpanan Tetap matang	Simpanan Tetap lebih dari 12-bulan	Setiap 6-bulan dari tarikh Simpanan Tetap berkuat kuasa
Tempoh Simpanan Tetap	Faedah simpanan tetap dikreditkan						
Simpanan Tetap 1-bulan hingga 12-bulan	Semasa Tempoh Simpanan Tetap matang						
Simpanan Tetap lebih dari 12-bulan	Setiap 6-bulan dari tarikh Simpanan Tetap berkuat kuasa						
Faedah Penalti ke atas Pengeluaran Simpanan Tetap Sebelum Tempoh Matang	<p>Faedah penalti akan dikenakan ke atas pengeluaran/penarikan Simpanan Tetap sebelum tempoh matang.</p> <p>Tiada faedah akan dibayar untuk pengeluaran penuh/ pengeluaran sebahagian Simpanan Tetap sebelum tempoh matang.</p>						
Pengeluaran Sebahagian Pramatang Simpanan Tetap	<p>Pengeluaran sebahagian pramatang tertakluk kepada terma dan syarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> Untuk deposit baru/ pembaharuan secara automatik bermula daripada 5 Mac 2018. Amaun pengeluaran dalam gandaan Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000). Baki minimum Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) setiap resit hendak dikekalkan sehingga tarikh kematangan, sekiranya baki selepas pengeluaran sebahagian lebih rendah daripada baki minimum, ia akan dianggap sebagai penegeluaran penuh Simpanan Tetap. Tiada faedah akan dibayar bagi amaun pengeluaran sebahagian pramatang untuk Simpanan Tetap, tanpa mengira bilangan bulan yang telah lengkap pada masa pengeluaran. Faedah yang dikontrakkan akan dibayar untuk baki yang tidak dikeluarkan. Bank berhak untuk menolak Faedah daripada amaun pengeluaran sebahagian pramatang sekiranya Faedah telah dibayar kepada Pelanggan. Pengeluaran sebahagian hanya boleh dilaksanakan di kaunter. 						

Akaun Simpanan Tetap MYR

2

	<ul style="list-style-type: none"> Pengeluaran sebahagian hanya dibenarkan untuk Simpanan Tetap yang mempunyai tempoh selama 2 bulan dan ke atas.
Kadar Faedah	<p>Kadar faedah terkini boleh didapati di laman web OCBC Malaysia dan di cawangan-cawangan OCBC Bank yang terdekat. OCBC Bank berhak untuk menukar kadar faedah dan jika berlaku, mestilah mengumumkannya di cawangan, di laman web OCBC Bank atau dalam media massa.</p> <p>Nota: Kadar Lazim Simpanan Tetap untuk pemastautin dan bukan pemastautin mungkin berbeza.</p>
Ciri-ciri dan Manfaat	
Pilihan Tempoh Simpanan yang Pelbagai	Tempoh simpanan tetap adalah dinyatakan dalam gandaan satu bulan sehingga tempoh 60 bulan.
Penyata Akaun	<p>Uruskan dana dengan lebih mudah dengan menggunakan e-penyata (jika terdapat aktiviti untuk bulan tersebut) yang boleh didapatkan melalui OCBC Online Banking dan/atau dihantar ke alamat emel anda. Anda juga mempunyai pilihan untuk menerima salinan penyata yang dihantar kepada anda setiap bulan.</p> <p>Bagi setiap permohonan salinan penyata tambahan, caj sebanyak RM10.00 akan dikenakan.</p>
Kemudahan Overdraft	<p>Nikmati overdraf tersedia di mana faedah overdraf hanya akan dikenakan caj apabila anda menggunakaninya. Jumlah simpanan tetap minimum yang diperlukan untuk memohon kemudahan overdraf ini ialah RM5,000.</p> <p><i>Nota: Tertakluk kepada pemohonan kemudahan overdraf yang diluluskan.</i></p>
Insurans Simpanan	<p>Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.</p> <p>Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada risalah maklumat PIDM yang boleh didapati di kaunter kami atau layari laman web PIDM.</p>
Polisi Wang yang Tak Dituntut	<p>Penerimaan Simpanan Tetap yang telah diperbaharui secara automatik selama lebih tujuh (7) tahun akan diklasifikasikan sebagai "Wang Yang Tak Dituntut" selaras dengan Akta Wang Tak Dituntut 1965.</p> <p><i>Peringatan Polisi Wang yang Tidak Dituntut akan dihantar kepada pelanggan. Kegagalan untuk bertindak ke atas peringatan dalam tempoh yang diberi akan menyebabkan Simpanan Tetap diklasifikasikan sebagai "Tak Dituntut" pada tahun berikutnya.</i></p>
Pengendalian Akaun Bersama	<ul style="list-style-type: none"> Akaun bersama ("Akaun") boleh dibuka untuk 2 individu atau lebih yang berumur 18 tahun dan ke atas. Kad Pengenalan/Pasport diperlukan dengan setiap permohonan. Pemegang-pemegang Akaun adalah layak secara bersama ke atas sebarang baki simpanan atau kredit yang terdapat dalam Akaun. Semua arahan berhubung dengan Akaun, termasuk tanpa had berkaitan dengan pengendalian dan penutupan Akaun atau penggantungan atau penamatian perkhidmatan, pertukaran alamat, pegangan surat atau butiran lain tentang pemegang-pemegang Akaun yang didaftar dengan Bank atau sebarang maklumat lain, akan diberikan secara bertulis (atau dengan cara lain yang dibenarkan oleh OCBC Bank) oleh semua pemegang Akaun bersama, kecuali diarahkan sebaliknya melalui surat oleh semua pemegang Akaun bersama. Semua pemegang Akaun bersama mestilah bertanggungjawab secara bersama ke atas semua transaksi yang terbit daripada sesuatu arahan. Jika OCBC Bank menerima arahan yang bercanggah, sama ada daripada atau bukan daripada orang-orang yang dibenarkan, OCBC Bank boleh memilih untuk bertindak atas mandat yang diberi oleh semua pemegang Akaun bersama.

Akaun Simpanan Tetap MYR

3

- Sebaik sahaja menerima notis kematian bagi salah seorang pemegang Akaun, OCBC Bank layak untuk membayar baki simpanan atau kredit seperti sewajarnya, kepada pemegang yang tinggal dan jika lebih daripada seorang pemegang dalam nama bersama, asalkan sebelum pembayaran dibuat, OCBC Bank layak untuk menolak sebarang hutang ditanggung oleh pemegang-pemegang Akaun bersama di bawah mana-mana Akaun dengan OCBC Bank dan/atau dengan mana-mana syarikat dalam Kumpulan OCBC daripada baki simpanan atau kredit tersebut.
- OCBC Bank boleh membenarkan pemegang(-pemegang) Akaun yang masih ada untuk meneruskan operasi Akaun tertakluk kepada keperluan Terma dan Syarat yang dikenakan oleh OCBC Bank, dipenuhi.

Maklumat Perhubungan

OCBC Bank (Malaysia) Berhad	<p>Untuk maklumat lanjut, pertanyaan atau maklum balas tentang produk dan perkhidmatan kami yang terkini, anda boleh menghubungi Pusat Perhubungan kami atau layari laman web kami (sila rujuk Customer Service Hotlines > Personal Banking di laman web OCBC Malaysia) atau kunjungi mana-mana cawangan OCBC Bank yang berhampiran anda.</p> <p>Anda juga boleh menghubungi kami pada bila-bila masa untuk mengemaskini Maklumat Peribadi anda. Maklumat ini penting bagi kami dalam usaha untuk memberi anda perkhidmatan yang lebih baik. Sila maklum bahawa semua maklumat peribadi anda adalah sulit. Sekiranya anda mempunyai sebarang aduan tentang produk atau tahap perkhidmatan kami, hantarkannya secara bertulis kepada alamat berikut (sila rujuk Help & Support > The Dispute Resolution Process di laman web OCBC Malaysia):</p> <p style="text-align: center;">Service Transformation Department OCBC Bank (Malaysia) Berhad Menara OCBC, 18 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur</p> <p>Atau, sekiranya anda ingin mendapatkan pandangan pihak berkuasa tentang cara kami mengendalikan aduan, Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) (dahulunya dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan) boleh dihubungi atau emel (sila rujuk Hubungi Kami di laman web Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)); atau Bank Negara Malaysia (sila rujuk Hubungi Kami di laman web Bank Negara Malaysia).</p>
Bank Negara Malaysia	<p>Untuk pertanyaan lanjut tentang Produk Kewangan, sila layari</p> <ul style="list-style-type: none"> • Laman web MyCoverage <p>Anda juga boleh mengunjungi BNMLINK yang berhampiran atau hubungi BNMTELELINK (sila rujuk Hubungi Kami di laman web Bank Negara Malaysia).</p>
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)	<p>Hubungi talian hotline PIDM (boleh didapati dari Isnin hingga Jumaat mulai 8.30 pagi hingga 5.30 petang) atau emel kepada PIDM (sila rujuk Hubungi Kami di laman web PIDM).</p>

Penafian: Lembaran Maklumat Produk ini adalah untuk tujuan maklumat semata-mata dan tidak mengandungi sebarang nasihat bagi mana-mana perkara yang dibincangkan. Semua maklumat dan bahan termasuk tentang perkhidmatan, produk, maklumat kewangan, data, teks atau perkara-perkara lain yang diberikan adalah seperti 'seadanya' dan 'boleh didapati' dan diberikan untuk maklumat dan rujukan anda sahaja. OCBC Bank tidak menjamin kebergunaan atau kecukupan maklumat yang diberikan dan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang akibat yang timbul daripada mempercayai sebarang pendapat atau kenyataan yang terkandung di sini atau ke atas mana-mana pengeluarannya. Terma dan Syarat yang lebih terperinci bagi **Akaun Simpanan Tetap MYR OCBC** ini dinyatakan dalam Perkhidmatan dan Akaun Bank – Terma dan Syarat Utama dan Terma dan Syarat lain yang diguna pakai untuk produk ini (jika ada) yang boleh didapati di cawangan OCBC Bank dan di laman web OCBC Malaysia. Lembaran Maklumat Produk ini adalah sulit dan tidak boleh dikeluarkan semula (secara penuh atau sebahagian) kepada sesiapa sahaja tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada OCBC Bank terlebih dahulu.